

Headline	Era baharu Padang Besar dengan 'A Fresh Change'		
MediaTitle	Harakah		
Date	16 Aug 2024	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	50,000
Page No	H21	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	844 cm²
Journalist	NOORSARA MASHITOH MOHAMAD	AdValue	RM 6,931
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 20,792



Era baharu Padang Besar dengan "A Fresh Change"

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

PADANG BESAR: Ahli Parlimen Padang Besar, Rushdan Rusmi, memperkenalkan inisiatif "Padang Besar - A Fresh Change" sebagai misi utama untuk mentransformasikan kawasan tersebut menjadi pusat pembangunan dan ke sejahteraan yang lebih maju.

Katanya, misi itu bertujuan untuk membawa perubahan besar kepada Padang Besar yang sebelum ini dianggap ketinggalan berbanding kawasan lain di Perlis seperti Kangar dan Arau.

Padang Besar yang sebelum ini berhadapan pelbagai isu seperti kecinciran pelajaran, ketidakaamanan pendaftaran kelahiran dan masalah kemiskinan tegar, kini diberi perhatian serius oleh Rushdan melalui misi ini.

"Padang Besar - A Fresh Change" dicipta untuk merealisasikan hasrat beliau untuk membangunkan kawasan ini dengan menggunakan pendekatan inovatif yang mengutamakan masyarakat setempat.

Rushdan menjelaskan bahawa inspirasi untuk "A Fresh Change" datang selepas perbincangan dengan pelbagai pihak, termasuk Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) mengenai hala tuju pembangunan di Padang Besar.

Lawatan ke Bangkok, Thailand turut memberikan idea yang lebih jelas tentang potensi Padang Besar dalam kerangka ASEAN, menjadikannya Perlis sebagai pintu masuk strategik ke pasaran se- rantaui.

Al Jazari Centre of Excellence: Platform pembangunan Padang Besar

Untuk merealisasikan visi ini, Rushdan menubuhkan Al Jazari Centre of Excellence (Pusat Kecemerlangan Al Jazari), sebuah entiti yang berfungsi sebagai platform untuk menjalankan pelbagai inisiatif pembangunan di Padang Besar.



Rushdan (dua dari kiri) melawat projek, tanaman Kacip Fatimah di Stesen Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Mata Ayer, Padang Besar.

“ Beliau terpaksa bergantung sepenuhnya kepada gaji dan elauannya untuk menjalankan pelbagai program.”

Berikut ketidaaan peruntukan kewangan, pusat ini menjadi alat utama untuk mendapatkan kerjasama agensi kerajaan dan IPT.

Al Jazari Centre of Excellence kini giat bekerjasama dengan pelbagai IPTi dalam dan luar negara untuk melatih anak-anak Perlis dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Antara kejayaan awal adalah tarawan menghantar 10 anak Perlis ke Turki untuk mengikuti latihan kimpalan yang ditaja sepenuhnya oleh sebuah universiti di sana.

Pihaknya kini menunggu persiapan mereka untuk menerima pelajar dari Perlis dalam tempoh terdekat. Tempoh diambil agak lama kerana melibatkan urusan

teknikal usaha sama dengan IPT awam lain.

Pada masa sama, pihaknya juga ditawarkan tawaran

yang hampir sama di sebuah universiti di Medan Indonesia. Rushdan dan delegasi Al Jazari akan ke sana akhir bulan ini.

Selain itu, pusat ini memainkan peranan penting memperkasa komuniti tempatan melalui projek seperti penanaman cendawan dan penerokaan ayam daging yang bukan sahaja meningkatkan pendapatan penduduk,

duk, malah membantu mencapai jaminan makanan (food security) di Padang Besar.

Matlamat pembangunan Padang Besar

Antara matlamat utama Rushdan adalah menjadikan Padang Besar sebagai pusat melahirkan tenaga mahir melalui latihan kemahiran berteknologi tinggi, mewujudkan pusat jaminan makanan dan industri hilir, melestarikan alam sekitar Perlis sebagai destinasi agropelancongan serta memperkasa penjaja dan peniaga kecil melalui pusat seni.

Namun, Rushdan mengaku bahawa usaha ini tidak mudah, terutama sekali tanpa sokongan peruntukan kewangan.

Beliau terpaksa bergantung sepenuhnya kepada gaji dan elauannya untuk menjalankan pelbagai program.

Walaupun berdepan cabaran ini, Rushdan komited untuk mewariskan legasi pembangunan yang akan memberi manfaat jangka panjang kepada warga Padang Besar.

Melalui "Padang Besar - A Fresh Change," Rushdan berharap dapat merealisasikan perubahan besar yang selama ini diimpikan oleh penduduk kawasan tersebut dan menjadikan Padang Besar sebagai antara kawasan paling maju di Perlis.



Lawatan ke UiTM Shah Alam untuk mengenal pasti kriteria pemilihan pelajar ke Turki.